

AKTA KOPERASI 1993

PERINTAH KOPERASI (PENGAMBILALIHAN KAWALAN)(NO. 3) 2008

BAHAWASANYA Suruhanjaya Koperasi Malaysia telah mengadakan suatu siasatan di bawah seksyen 66 Akta Koperasi 1993 [Akta 502] ke atas Koperasi Koperkasa Berhad dan perbadanan berkaitannya mulai 22 April 2008 hingga 2 Mei 2008:

BAHAWASANYA setelah mengkaji semula laporan dapatan siasatan, Suruhanjaya berpuas hati bahawa Koperasi Koperkasa Berhad telah menjalankan perniagaannya mengikut suatu cara yang memudaratkan kepentingan Koperasi dan anggotanya serta melanggar peruntukan Akta Koperasi 1993:

MAKA OLEH YANG DEMIKIAN, pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 69(2) Akta, Suruhanjaya membuat perintah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Koperasi (Pengambilalihan Kawalan)(No. 3) 2008**.

(2) Perintah ini hendaklah berkuat kuasa bagi tempoh dari 22 September 2008 hingga 21 September 2010.

Pengambilalihan kuasa

2. Suruhanjaya melantik Syarikat Rakyat Asset Management Sdn. Bhd. (Syarikat No. 452759-X) untuk mengambil alih kawalan semua harta, urusan, aktiviti dan hal ehwal Koperasi Koperkasa Berhad dan perbadanan berkaitannya, dan menjalankan kesemua urusan, aktiviti dan hal ehwalnya.

Kos dan perbelanjaan

3. Apa-apa kos dan perbelanjaan yang dilakukan oleh Suruhanjaya berhubung dengan pengambilalihan kawalan hendaklah kena dibayar daripada dana dan harta Koperasi Koperkasa Berhad sebagai suatu caj pertama.

Dibuat 16 September 2008

[SKM.IP.(SULIT):SIASATAN 9029; PN(PU2)527/XI]



DATO' MANGSOR BIN SAAD

Pengerusi Eksekutif

Suruhanjaya Koperasi Malaysia